



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 November 2024
22 Jumadilawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Pulau Rusukan Besar tarikan penyu bertelur
Harian Metro	•
Kosmo !	• Pesta pukat ikan musim tengkujuh di Banggol Katong
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Wilayahku [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		34	24.11.2024

Pulau Rusukan Besar tarikan penyu bertelur

Jabatan Perikanan lakukan kawalan ketat elak pencerobohan bot besar, nelayan

Oleh Samadi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Mungkin ramai yang tidak mengenali Pulau Rusukan Besar. Terletak di barat daya Labuan, ia boleh dianggap sebagai permata tersembunyi dengan keindahan alam semula jadi yang memukau pandangan.

Justeru keindahan alamnya, pulau itu terkenal dengan aktiviti snorkeling dan skuba malah berjalan kaki di pantainya yang putih bersih juga cukup menenangkan hati.

Namun, satu lagi keistimewaan pulau dengan keluasan 30 ekar ini adalah ia turut menjadi pusat konservasi penyu, seperti yang diusahakan oleh Jabatan Perikanan Labuan.

Di pulau itu, Pusat Konservasi Penyu, Jabatan Perikanan Labuan menjadi tempat pendaratan penyu untuk bertelur antara bulan Mac, Jun, Julai juga September dengan purata lebih 100 biji telur bagi setiap sarang.

Pembantu Perikanan Kanan, Ryanto Saifuddin, 47, berkata mereka mula mengesan penyu bertelur di Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil pada 2011.

Ketika itu katanya, pulau berkenaan di bawah seliaan Jabatan Taman Laut Labuan sebelum diambil alih Jabatan Perikanan Labuan pada 2019.

"Dua pulau itu menjadi tumpuan penyu karah untuk bertelur kerana keadaan lokasinya yang gelap dan terhindar daripada gangguan bunyi bising orang awam."

"Hal ini mudah difahami kerana kedudukan pulau yang jauh serta sukar untuk dikunjungi, menyebabkan telur penyu selamat daripada diambil orang awam," katanya.

Malah katanya, sikap tanggungjawab dan empati yang tinggi daripada kalangan nelayan pantai sangat dihargai, kerana mereka sering memaklumkan kepada pihak bertanggungjawab sekiranya terlihat penyu mendarat di kawasan pulau ini.

Lokasi selamat
Ryanto berkata, bermula 2011 hingga 2023 sebanyak 27,779 telur berjaya dikutip di Pulau Rusukan Kecil, Pulau Rusukan Besar dan Pantai Sungai Labu. Jumlah itu menghasilkan 21,203 anak penyu yang sudah dilepaskan ke laut.

Katanya, semua telur penyu yang dikutip, dieramkan dan menetas di pusat konservasi ini di bawah seliaan empat kakitangan yang bertugas 24 jam.

"Bermula awal tahun ini sehingga 31 Ogos lalu sebanyak 2,245 biji telur berjaya dikumpul di Pulau Rusukan Besar dan Rusukan Kecil untuk proses pengeraman."

"Proses penetasan anak penyu diadakan sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat secara dekat proses berkenaan dijalankan. Selepas dua bulan hingga tiga bulan, anak penyu yang berjaya ditelurkan akan dilepaskan ke habitat asalnya."

"Namun kami tidak membuka akses kepada orang awam untuk melihat secara dekat proses penyu bertelur bagi mengelak gangguan," katanya.

Ryanto berkata, pendaratan penyu di pulau berkenaan menjadikan ia antara lokasi paling selamat bagi penyu mendarat selain Terengganu dan pantai peranginan Port Dickson.

Katanya, dengan potensi Pulau Rusukan Besar sebagai destinasi pendaratan penyu juga lokasi pelancongan, beliau percaya kawasan itu akan menjadi tarikan umum.

Justeru, selain mengawal selia pusat konservasi itu petugas Jabatan Perikanan juga bertanggungjawab mengawal satu nautika kawasan pantai di tiga pulau berkenaan daripada diceroboh bot besar atau nelayan bagi mengelak berlaku

kerosakan pada terumbu karang, hidupan laut dan pembiakan ikan. Sementara itu bagi kakitangan Jabatan Perikanan, Satar Kassim, 53 yang sudah 12 tahun berkhidmat dan tinggal di pulau itu, amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya sangat berat tetapi perlu dilunaskan sepenuh hati.

Satar yang bertanggungjawab membantu menyelia pusat konservasi itu berkata, dia perlu memastikan telur penyu yang dieram selamat dan selepas menetas anak penyu itu akan dipindahkan ke pusat asuhan.

Kawalan ketat

Katanya, anak penyu itu akan diletakkan di dalam tangki besar berisi air



Anak penyu yang berjaya menetas. (Foto Samadi Ahmad/BH)

Ryanto menunjukkan bangkai penyu karah yang telah diawet dan dipamerkan di Galeri Mini Hidupan Laut.

Pulau Rusukan Besar, Labuan menjadi destinasi percutian dan pusat penetasan penyu.

yang dikawal oleh mesin dan sepanjang diletakkan di situ kandungan air dalam tangki itu perlu dipastikan setiap masa menepati ukuran.

"Sekiranya mesin itu menghadapi masalah atau rosak ia perlu diganti dengan segera bagi mengelak anak penyu itu mati," katanya.

Berkongsi pengalaman sepanjang 12 tahun bertugas di pusat konservasi itu Satar berkata, dia turut terbahit mencari telur penyu yang ditinggalkan di dalam sarang.

Katanya, pada kebiasaannya sebelum bertelur penyu akan mengorek beberapa lubang dan menuptunya semula bagi mengelirukan musuh bagi mengelak telur-telur berkenaan diambil atau dirosakkan.

"Melalui pengalaman, sarang yang mengandungi telur boleh dikenalpasti berdasarkan kepada tapak dan keadaan pasir di sekeliling kawasan sarang itu," katanya.

Tambah beliau, kebiasaannya penyu akan naik bertelur di kawasan pantai ini sekitar jam enam petang, 10 malam dan satu pagi.

Untuk setiap kali pendaratan seekor penyu boleh menghasilkan antara 100 hingga 150 biji telur setiap sarang.

Katanya, sebanyak dua hingga tiga ekor penyu karah akan bertelur di dua pulau ini dan akan naik semula selepas dua minggu.

"Telur yang dipungut itu perlu dilakukan dengan cermat kerana keadaannya yang lembut," katanya.



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF		NEUTRAL			12	24.11.2024

Pesta pukat ikan musim tengkujuh di Banggol Katong

Kosmo, 24.11.2024



SEBAHAGIAN penduduk sedang memukat ikan di Sungai Terengganu berhampiran Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu semalam.

KUALA TERENGGANU – Penduduk Kampung Banggol Katong, Serada di sini tersenyum lebar mampu meraih sehingga 150 kilogram (kg) ikan sehari yang dipukat di pinggir Sungai Terengganu sejak ketibaan musim tengkujuh pada Selasa lalu.

Tangkapan ikan darat pelbagai jenis tersebut tiga kali ganda lebih banyak berbanding diperolehi penduduk kampung tahun-tahun sebelum ini.

Seorang penduduk, Mohd. Zakhir Saad 33, berkata, mereka sudah menahan pukat di pinggir

Sungai Terengganu berhampiran perkampungan mereka seawal malam Selasa lalu.

“Kami sudah boleh mengambil hasil ikan pada pagi esoknya sebelum menahan semula pukat.

“Tidak sampai beberapa jam, pukat-pukat kami sudah dipenuhi ikan,” katanya kepada Kosmo!Ahad di Kampung Banggol Katong di sini semalam.

Mohd. Zakhir berkata, antara ikan yang diperolehi ialah haruan, keli, tilapia, sebarau dan baung.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Nor Shandan, 31, pula berkata,

kebanyakan ikan ditangkap itu dijual pada harga purata RM5 sekilogram.

Dia berkata, ramai penduduk kampung dan sekitar sudah menunggu di tebing sungai untuk membeli ikan-ikan darat terba-bit.

“Kebiasannya ikan-ikan yang kami pukat akan laris dijual dalam tempoh kurang sejam selepas dinaikkan.

“Kami juga menerima tempahan awal sehari untuk membeli ikan daripada peraih-peraih sekitar daerah ini dan sekitar,” katanya.